



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	16/7/2011

Barat, Timur perlu bekerjasama kerana ekonomi saling bergantung

# Tingkat kemakmuran dunia



**LONDON** 15 Julai - Semua negara sama ada dari Barat mahupun Timur perlu bersama-sama meningkatkan kemakmuran sejagat memandang ekonomi pada abad ini saling bergantung antara satu sama lain.

Kini bukan lagi masanya untuk berfikir bahawa Timur berlawanan dengan Barat kerana pelbagai pihak akan terperangkap jika ada yang masih berfikir begitu.

Gambaran tersebut diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kepada kira-kira 200 komuniti perniagaan United Kingdom pada Forum Pelaburan Antarabangsa di sini hari ini.

Kata Najib: "Jadi, jika anda masih berfikir dalam terma Timur bersaing dengan Barat, saya bimbang anda akan terperangkap dalam situasi lampau. Andaian dan jangkaan waktu silam itu tidak lagi terpakai sekarang.

"Kini keadaan berubah seperti mana Portugal melihat kepada Brazil, bekas koloninya, untuk bantuan mengatasi masalah ekonominya. Kini di dunia di mana Olimpik akan diadakan di London tetapi Piala Dunia akan berlangsung di Qatar."

Bagi memperjelaskan lagi bagaimana ekonomi sekarang saling bergantung, Perdana Menteri memberi contoh bagaimana hari ini kereta yang dipasang di Dagenham direka bentuk di Detroit, dijana oleh enjin dari Tokyo dan dipasang dengan roda dari Kuala Lumpur.

"Kepentingan ekonomi nasional kini lebih kepada kepentingan bersama dan kerana itu Malaysia menolak pandangan lama yang 'memihak' dalam hubungan dan perdagangan antarabangsa, sebaliknya memilih multilateralisme yang boleh dimanfaatkan oleh Malaysia dan rakan-rakan kami di



MENTERI Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (duduk kiri) bersama Setiausaha Dalam Negeri Britain, Theresa May menandatangani memorandum persefahaman dalam bidang keselamatan di London, kelmarin. Majlis itu disaksikan oleh Najib Tun Razak dan Perdana Menteri Britain, David Cameron. - AFP

luar negara.

"Memperkasakan kemakmuran kepada semua, itulah matlamat global kita sekarang," tegas Najib.

Mengenai peluang di Malaysia, Najib berkata, para pelabur dalam realiti baru ekonomi perlu bukan sahaja mencari pasaran baru tetapi juga kesucian industri baru dan kewangan Islam adalah salah satu daripada bidang baru yang boleh diceburi.

"Kewangan Islam adalah satu daripada kepakaran Malaysia dan saya fikir ia adalah baik memandang potensi untuk berkembang amat besar.

"Industri kewangan Islam se-

jagat telah berkembang daripada RM15 bilion pada 1985 kepada lebih RM2,400 bilion hari ini - dan Malaysia, dengan pasaran modal Islam telah pun mencecah RM1,100 bilion dan dijangka meningkat tiga kali ganda pada dekad akan datang, adalah pendulu dalam pasaran itu," katanya.

Betapa wujud peluang pelaburan baru tersebut, Najib memberi contoh di UK sendiri, terdapat lebih 1.5 juta umat Islam dan mereka perlukan akaun bank, insurans kediaman, simpanan dan produk pelaburan lain yang sesuai.

Jika dilihat di serata dunia, katanya, jumlah itu meningkat ke-

pada lebih 1.5 bilion dan jumlah itu adalah fenomena kuasa ekonomi dan industri daging halal sahaja bernilai lebih RM1,900 bilion, tiga kali nilai BP.

Perdana Menteri menjelaskan peningkatan kemakmuran di Timur pula bermakna tumpuan diberikan kepada pengguna Asia sebagai pemacu utama kepada pertumbuhan dunia.

"Memandangkan tahap pendapatan Asia meningkat, permintaan penduduknya terhadap barangan dan perkhidmatan melonjak sehingga melampaui sempadan negara mereka sehingga kepada pengeluaran lain di pelosok dunia.

"Dan ketika ini, buat pertama kalinya Malaysia muncul antara 10 negara paling kompetitif di dunia. Kami juga negara sedang membangun paling kompetitif. Ia dicapai dengan bekerja bersama-sama menerokai sumber baru dan kaedah terkini ke arah memperoleh kelebihan dalam bersaing," katanya pada pertemuan itu.

Najib menekankan komitmen pentadbirannya menyediakan ruang yang mudah kepada pelabur bagi merebut peluang-peluang pelaburan di Malaysia termasuklah melibatkan diri dalam pasaran kewangan Islam. - **UTUSAN**